

SIARAN AKHBAR  
28 April 2016

## EKUINAS KEKALKAN PRESTASI DALAM PASARAN EKUITI 2015 YANG TIDAK MENENTU

### Fakta utama:-

- Dana pertama, *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund* menunjukkan prestasi mantap dengan Pulangan Portfolio Kasar berjumlah **RM591.3 juta**, pada **Kadar Pulangan Dalam (IRR) kasar sebanyak 14.8%** dan **IRR bersih tahunan sebanyak 10.9%**. Dana kedua, *Ekuinas Direct (Tranche II) Fund*, mencatat Pulangan Portfolio Kasar sebanyak **RM133.3 juta** dengan **IRR kasar tahunan sebanyak 13.0%** dan **IRR bersih tahunan sebanyak 5.7%**.
- Melalui aktiviti-aktiviti pelaburannya, Ekuinas telah meningkatkan Nilai Ekuiti Bumiputera dalam syarikat portfolio sebanyak **RM3.7 bilion** atau **1.6 kali modal dilabur** dan peningkatan sebanyak **RM4.7 bilion** atau **2.1 kali modal dilabur** dalam Jumlah Nilai Pemegang Saham. Ini mencerminkan kejayaan model operasi Ekuinas dalam meningkatkan nilai pemegang saham untuk semua warga Malaysia.
- Disebabkan pasaran ekuiti yang tidak menentu pada tahun 2015, pelaburan telah dilaksanakan dengan berhemat dan berhati-hati dalam sembilan (9) pelaburan langsung dan juga menerusi penyumberan luar pada modal komited berjumlah RM338.7 juta. Ini menjadikan jumlah kumulatif pelaburan komited yang dilaksana oleh Ekuinas sebanyak 45 dengan nilai kira-kira RM2.8 bilion. Jumlah ini, berserta modal swasta telah menjana kemasukan modal ekonomi sebanyak RM3.4 bilion yang memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia.
- Antara pelaburan yang dilaksanakan pada tahun 2015 termasuk pelaburan pertama dalam industri penjagaan kesihatan dengan pemerolehan ekuiti sebanyak 60% dalam MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan PMCare Sdn Bhd untuk modal komited keseluruhan berjumlah RM79.8 juta. Ekuinas juga turut memperkukuhkan portfolio pendidikannya, ILMU Education Group (ILMU) dan Orkim Sdn Bhd dengan menyediakan modal tambahan, masing-masing sebanyak RM150.0 juta and RM70.0 juta.

**KUALA LUMPUR, 28 April 2016:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, mengumumkan pencapaian Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 (TK2015) hari ini. Dana pertama Ekuinas iaitu *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund* telah merekodkan Pulangan Portfolio Kasar sebanyak RM591.3 juta, pada Kadar Pulangan Dalam (IRR) kasar tahunan sebanyak 14.8% dan IRR bersih tahunan sebanyak 10.9%, di sebalik kejatuhan harga minyak global. Dana kedua Ekuinas iaitu, *Ekuinas Direct (Tranche II) Fund* mencatat Pulangan Portfolio Kasar sebanyak RM133.3 juta dengan IRR kasar tahunan sebanyak 13.0% dan IRR bersih

tahunan sebanyak 5.7%. Dengan pencapaian ini, Ekuinas telah berjaya mengekalkan IRR melebihi sasaran minima tahunan pada kadar 12.0% selama enam tahun berturut-turut.

Menurut Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, "Tahun 2015 dibuktikan tahun yang sukar bagi sektor perniagaan di Malaysia dan Ekuinas berjaya membuktikan keupayaan Syarikat untuk menghadapi kegawatan ekonomi. Walau bagaimanapun, kami berpuas hati kerana berjaya menghadapi pelbagai cabaran yang timbul terutama dalam ketidaktentuan suasana ekonomi global. Kami menjangka persekitaran ekonomi yang lembab dan semakin tidak menentu dalam pasaran ekuiti. Kadar pelaburan mencerminkan suasana pelaburan yang kian berubah, disamping keperluan untuk mengimbangi pulangan secara stabil, bagi merebut peluang-peluang pelaburan pada masa hadapan."

Dalam meneruskan strategi pelaburan Syarikat, Ekuinas telah melaksanakan pelaburan dengan jumlah komited RM338.7 juta dalam sembilan pelaburan menerusi pelaburan langsung dan program penyumberan luar. Ini melibatkan lima (5) pelaburan langsung dengan modal komited berjumlah RM301.8 juta, yang terdiri daripada pelaburan susulan dalam San Francisco Coffee untuk mengekalkan operasi perniagaan dan Orkim Sdn Bhd untuk membeli tiga kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) yang baharu. Pelaburan baharu pula dilaksanakan dalam syarikat MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan PMCare Sdn Bhd, dua penyedia perkhidmatan pentadbir tuntutan perubatan pihak ketiga yang terkemuka, dan ILMU Education Group (ILMU) untuk membantu usaha pemerolehan baki ekuiti daripada pemegang saham minoriti institusi milik ILMU iaitu APIIT Education Group, Universiti Antarabangsa UNITAR dan Tenby Schools.

Program Penyumberan Luar Ekuinas terus berkembang pada TK2015 dengan empat (4) pelaburan melebihi RM60.0 juta yang dikendalikan oleh Pengurus-pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM), di mana sumbangan modal komited Ekuinas berjumlah RM36.9 juta. Para OFM telah melaksanakan dua pelaburan baharu dalam syarikat-syarikat berpotensi iaitu Excelvite Sdn Bhd and Romstar Sdn Bhd, serta dua pelaburan susulan dalam Strateq Sdn Bhd dan HG Power Transmission Sdn Bhd.

Ini menjadikan jumlah pelaburan kumulatif yang telah dilaksanakan oleh Ekuinas sejak penubuhannya kepada 45 dengan jumlah kira-kira RM2.8 bilion. Bersama dengan modal swasta, Ekuinas telah berjaya menjana kemasukan modal ekonomi penuh sebanyak RM3.4 bilion yang memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia.

Untuk tahun dalam tinjauan, portfolio F&B Ekuinas telah distruktur semula di mana Syarikat meninggalkan segmen Restoran Perkhidmatan Segera (QSR) untuk menumpukan lebih perhatian kepada segmen restoran kasual dan pencuci mulut. Penstrukturan semula ini melibatkan pelupusan pelaburan Ekuinas dalam francais Burger King dan San Francisco Coffee, yang mencatatkan IRR kasar negatif, masing-masing sebanyak 29.1% dan 5.7%.

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas menjelaskan, “Portfolio F&B kami yang membariskan Tony Roma’s, Manhattan Fish Market, New York Steak Shack, Popeye’s, Coolblog dan PrimaBaguz, mempunyai banyak potensi untuk penciptaan nilai. Kini, kami menumpukan perhatian untuk meningkatkan sumber dan keupayaan, memperkembangkan perniagaan serta meluaskan rangkaian setiap jenama dengan lebih pesat lagi. Setakat ini, segmen makanan kami merekodkan keuntungan bergabung sebanyak RM379.0 juta, peningkatan sebanyak 12.1% berbanding 2014.”

Dari segi pencapaian objektif sosial, Ekuinas terus memenuhi mandatnya untuk meningkatkan ekuiti Bumiputera sebanyak RM3.7 bilion atau 1.6 kali ganda modal dilabur. Pada masa yang sama, Jumlah Nilai Pemegang Saham untuk semua syarikat portfolio meningkat RM4.7 bilion, bersamaan dengan 2.1 kali ganda modal dilabur, sekaligus mencerminkan model Ekuinas yang meningkatkan kekayaan bagi Bumiputera dan semua warga Malaysia.

Sementara itu, bilangan pengurus dan kakitangan dalam syarikat-syarikat portfolio Ekuinas terus meningkat. Di penghujung TK2015, syarikat-syarikat portfolio ini mempunyai 485 pengurus dan 15,177 kakitangan, yang mana 31.1% pengurus dan 51.6% kakitangan terdiri daripada golongan Bumiputera. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 12.7% untuk pengurus and 31.5% untuk kakitangan Bumiputera sejak kemasukan Ekuinas dalam syarikat-syarikat tersebut.

Syed Yasir Arafat, ketika membentangkan keputusan Ekuinas dengan lebih terperinci, juga berkata, “Menuju ke hadapan, kami pastikan yang kami menjangka perubahan dalam pasaran dan membuat persiapan yang sewajarnya untuk portfolio kami. Walaupun tinjauan menunjukkan persekitaran yang tidak menentu dan risiko pasti berterusan, ia sebenarnya mewujudkan suatu keadaan yang menarik untuk Ekuinas. Kami percaya strategi pengurusan portfolio kami yang aktif dan pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik bagi penciptaan nilai akan memberi pulangan yang diharapkan untuk syarikat-syarikat portfolio kami pada tahun-tahun akan datang.”

- Tamat -

**Tentang Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan peruntukan sebanyak RM5 bilion dari Kerajaan, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor-sektor sasaran utama Ekuinas seperti barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit dan penjagaan kesihatan.

**Hubungan Media:**

**Sunita Kanapathy**, Ogilvy Public Relations KL, [sunita.kanapathy@ogilvy.com](mailto:sunita.kanapathy@ogilvy.com) 012-226 1216

**Joanne Timbuong**, Ogilvy Public Relations KL, [joanne.timbuong@ogilvy.com](mailto:joanne.timbuong@ogilvy.com) 012-327 5114